

21/09/2002

Penyiasat Bukit Aman ke Filipina Rabu ini

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pasukan penyiasat khas Bukit Aman akan ke Filipina Rabu depan untuk memulakan soal siasat ke atas Jawina Song yang mendakwa dirogol ketika berada dalam pusat tahanan di Kota Kinabalu, Sabah.

Timbalan Pengarah I Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Musa Hassan, berkata pasukan khas berkenaan akan mengambil kenyataan gadis berusia 13 tahun itu bagi membantu siasatan berhubung dakwaan berkenaan.

Pasukan penyiasat itu akan diwakili tiga pegawai polis, diketuai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Khas JSJ Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir dan dibantu Deputy Superintendan Yahaya Ramli dari Bahagian Pendakwaan Bukit Aman sebagai pegawai penyiasat.

"Pasukan itu dijangka bertolak Rabu depan bagi menyoal siasat mangsa," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Pasukan penyiasat khas Bukit Aman itu ditubuhkan pada 6 September lalu dan memulakan siasatan dua hari kemudian mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana kesalahan merogol.

Penubuhannya berikutan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya polis mengadakan siasatan segera dan menyeluruh berhubung dakwaan itu.

Sebelum ini, Musa dilaporkan berkata, pasukan itu juga akan membawa gambar petugas pusat itu ke Filipina ketika menyoal siasat gadis itu bagi memudahkannya mengecam individu yang merogolnya.

Selain itu, polis sudah mengambil gambar seorang pengawal keselamatan di sebuah sekolah di Sabah yang didakwa pernah merogol Jawina, sebelum mangsa dihantar ke pusat tahanan berkenaan.

Setakat ini, pasukan itu sudah menyoal siasat dan mengambil keterangan petugas dan beberapa saksi yang dipercayai mempunyai maklumat berhubung dakwaan gadis Filipina itu.